

BAB 2

METODOLOGI

2.1 – Pengenalan

Mengikut Taylor dan Bogdan, penyelidikan dilakukan mengikut langkah-langkah tertentu yang diatur khas untuk menghasilkan maklumat baru.¹ Mereka juga menegaskan kaedah penyelidikan haruslah:

- a. Menyatakan jenis maklumat (data) yang dikumpulkan.
- b. Menyatakan bagaimana data dikumpulkan.
- c. Menyatakan kawasan geografi yang dikaji.
- d. Menyatakan bagaimana data yang dikumpulkan itu dianalisis.

Dalam bidang sains sosial, pengendalian penyelidikan mengandungi andaian, kepentingan dan tujuan kaedah penyelidikan. Menurut Kerlinger, penyelidikan adalah suatu usaha menganalisis data melalui kaedah saintifik, formal dan sistematik.² Ia bertujuan mencari jawapan kepada persoalan atau masalah.³

¹ Steven J. Taylor, Robert Bogdan, *Introduction to Qualitative Research Methods. The Search For Meaning*, New York, John Wiley & Sons Incorporated., 1984, hlm 1.

² Roger D. Wimmer, Joseph R. Dominick, *Mass Media Research: An Introduction*, New York, Wadsworth Publishing Company, 1994, hlm 7.

³ Syed Arabi Idid, *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998, hlm 1.

Tiga kaedah penyelidikan bagi membuktikan persoalan kajian iaitu analisis kandungan, survey dan temubual. Kaedah ini sesuai dengan tujuan kajian untuk melihat sejauh mana akhbar mempengaruhi pola pengundian orang ramai dalam pilihan raya.

2.2 – Kaedah Analisis Kandungan

Kajian ini memilih dua akhbar utama berbahasa Melayu, *Berita Harian* yang mula diterbitkan pada 1 Julai 1957 dan *Utusan Malaysia* mula beroperasi pada 29 Mei 1939 untuk menghasilkan satu kajian ilmiah perbandingan yang menjurus kepada peranan yang dimainkan kedua-dua akhbar ini dalam pilihan raya umum 1995 dan 1999. Akhbar ini dipilih kerana mempunyai pengaruh dan sentimen dalam menyalurkan maklumat positif tentang pembangunan negara yang dilaksanakan oleh kerajaan Pusat sedang Kelantan diperintah oleh PAS.

Malahan akhbar *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia* dipilih kerana rakyat Kelantan suka membaca akhbar berbahasa Melayu berbanding akhbar berbahasa Inggeris. Akhbar *Berita Harian* adalah akhbar terbitan Kumpulan The New Straits Times Press (M) Sdn Bhd dan menurut kajian AC Nielsen Suku Keempat 2001, akhbar *Berita Harian* di bawah naungan Berita Harian Sdn Bhd (BHSB) mempunyai edaran mencapai 320,000 naskah setiap hari dan 1.3 juta pembaca dari seluruh negara. Dua akhbar

ini juga dipilih kerana ia begitu mendapat tempat di kalangan pengundi di Kelantan yang kebanyakannya berbangsa Melayu dan kurang menguasai bahasa Inggeris. Pengkaji tidak memilih akhbar News Straits Times (NST) ataupun The Star, disebabkan keimbangan jawapan responden tidak menyeluruh kerana sebahagian kecil sahaja responden menguasai bahasa Inggeris. Akhbar *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia* dipilih juga disebabkan jualan dua akhbar itu tinggi di Kelantan.

Dalam kaedah analisis kandungan ini, kajian tertumpu kepada perbandingan peranan media massa dalam pilihan raya umum 1995 dan 1999. Aspek perbandingan yang ditumpukan ialah isi kandungan berita dan rencana membabitkan isu-isu yang dipaparkan dalam akhbar sepanjang tempoh kajian analisis kandungan dipilih oleh pengkaji.

Pengkaji menetapkan tarikh kajian analisis kandungan dilakukan pada pilihan raya 1995 bermula pada hari penamaan calon pada 15 April 1995⁴ sehingga hari pengundian pada 25 April 1995. Rasional tarikh itu dipilih kerana kedua-dua akhbar itu mula memaparkan isu-isu secara menyeluruh pada tarikh itu kerana ia adalah tarikh sah berkempen yang ditetapkan oleh Suruhanjaya

⁴ Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihanraya Umum Malaysia 1995*, Kuala Lumpur, 1997, hlm 19.

Pilihan Raya (SPR) selama 10 hari. Bagaimanapun, pengkaji mendapati akhbar *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia* sebelum itu sudah menyiarakan beberapa isu lebih awal sebelum SPR mengumumkan tarikh penamaan calon tetapi bahan itu tidak diambil kira dalam kajian ini kerana di luar tempoh kajian.

Oleh kerana kajian ini menitikberatkan kajian perbandingan peranan media massa dalam pilihan raya umum di Kelantan, tarikh kajian pada pilihan raya umum 1999 ditetapkan oleh pengkaji pada 20 November 1999 hingga 30 November 1999. Tarikh itu dipilih untuk memboleh dan memudahkan kajian perbandingan dilakukan di antara pilihan raya umum 1995 dan 1999. Aspek perbandingan yang diambil kira ialah isu-isu yang mendapat perhatian kedua-dua akhbar kajian, isi kandungan berita dan rencana yang disiarkan sepanjang tempoh kajian.

Dalam tempoh itu, pengumpulan data dan penganalisaan analisis kandungan dilakukan secara manual dengan menggunakan borang khas. Lihat Lampiran 1. Setiap isi kandungan berita dan rencana membabitkan aspek pilihan raya akan dipilih oleh pengkaji setiap hari sepanjang tempoh kajian. Pemilihan dibuat secara population bukan secara rawak kerana setiap berita dan rencana

pilihan raya yang disiarkan dalam tempoh analisa sebagai data kajian pengkaji. Dalam tempoh itu sahaja, isu pilihan raya dikupas dan ditonjolkan dalam kajian ini. Isu yang timbul di luar lingkungan tempoh itu tidak diambil kira bagi menyelaraskan kajian menerusi kaedah analisis kandungan yang dibuat mengikut tempoh yang sama pada pilihan raya umum 1995 dan 1999.

Kupasan isu juga banyak merujuk kepada akhbar *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia* kerana ini membolehkan pengkaji melihat bagaimana media massa, terutama akhbar memainkan peranan melapor, mengupas, mengkritik, menganalisis, menterjemah dan mewar-warkan isu sehingga ia mampu mempengaruhi minda rakyat ketika membuang undi pada tarikh yang ditetapkan.

Bagaimanapun, pengkaji tetap mengambil kira ketetapan data dengan memastikan ukuran validiti dan reliabiliti juga ditumpukan dalam kaedah analisis kandungan ini. Pengiraan unsur negatif atau positif sesuatu berita dibuat mengikut andaian apabila pengkaji membaca tajuk dan berita yang disiarkan daripada para pertama sehingga para berita akhir berita. Bagi, berita yang kurang penting, pengkaji hanya membaca sehingga para keempat sebelum membuat andaian berita itu negatif ataupun positif. Selain itu, andaian pengkaji

juga berdasarkan tajuk berita yang disiarkan dalam kedua-dua akhbar kajian.

Analisis kandungan dalam kajian ini hanya tertumpu kepada liputan berita dan rencana tentang pilihan raya dan politik. Analisis ini juga bertujuan untuk mengetahui bagaimana akhbar melaporkan berita-berita ini sama ada secara positif, negatif ataupun neutral. Aspek yang diambilkira ialah;

- a. Keutamaan Berita. Keutamaan sesuatu berita yang digunakan dalam sesebuah akhbar bagi menarik perhatian pembaca. Bahagian ini digunakan untuk mengklasifikasikan berita utama muka depan iaitu berita yang disiarkan di muka hadapan, berita utama kedua muka depan, iaitu berita utama dan diletakkan di muka depan tetapi menjadi elemen kedua. Berita halaman lain, iaitu berita yang disiarkan bagi memenuhi muka surat dan berita utama muka lain, iaitu tajuk utama setiap muka surat.

- b. Kategori Berita. Mengetahui kategori berita pilihan raya sama ada berita umum, rencana, surat pembaca, rencana pengarang dan lain-lain yang membabitkan profil serta kolumn dalam sesebuah akhbar.

- c. Sumber Dalam Berita. Ia digunakan untuk mengenal pasti sumber dalam berita sama ada sumber itu daripada Perdana Menteri, Timbalan Menteri, menteri kabinet, ketua bahagian, ketua cawangan, ahli akademik, sumber tidak dinyatakan dan lain-lain sumber, termasuk ketua cawangan, orang ramai dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).
- d. Penggunaan Gambar. Dalam kajian ini, penggunaan gambar juga perlu diambil kira bagi mengetahui tahap berkempen sesesebuah media menjelang pilihan raya umum. Antara kategori yang diambil kira ialah sama ada gambar berita (*caption story*), berita bergambar dan berita tidak bergambar.
- e. Penulis Berita. Bagi melihat kekerapan berita sama ada penulisnya di kalangan pemberita akhbar itu sendiri ataupun kolumnis serta bahan berita itu daripada Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA).
- f. Arah Berita dan Tajuk. Cara untuk mengenal pasti arah berita dan tajuk sesuatu berita yang dimuatkan dalam akhbar Berita Harian dan Utusan Malaysia sama ada positif BN, negatif pembangkang termasuk PAS, DAP, KEADILAN dan PRM, seimbang dan nuetral. Ini kerana setiap akhbar mempunyai agenda tersendiri sehingga menyebabkan tajuk sesuatu berita dibuat mengikut agenda

berkenaan. Hal ini boleh diklasifikasikan sebagai usaha sesebuah akhbar untuk memuji, menghentam dan mengimbangi sesebuah parti bagi mengharungi pilihan raya. Perkara ini dikenal pasti mampu mempengaruhi minda pembaca untuk memilih parti yang mana boleh memerintah negara ini.

g. Jenis Penulisan Rencana. Jenis penulisan rencana juga ingin dikenal pasti dalam kajian ini kerana setiap rencana yang ditulis oleh pemberita sesebuah akhbar atau penulis bebas mempunyai sasaran tersendiri. Ia akan mengklasifikasikan jenis penulisan rencana sama ada berbentuk penjelasan, penceritaan, hujahan dan pembujukan.

h. Kategori Perolehan Berita. Kajian ini juga mengambil kira kategori perolehan berita. Aspek yang diambil kira ialah kenyataan dan sidang akhbar, majlis perasmian, ceramah, temuramah, peristiwa dan komentar.

i. Tema Sepunya. Untuk mengetahui tema di sebalik sesuatu berita yang disiarkan dalam akhbar. Selalunya, tema bagi sesuatu berita menjelang pilihan raya mempunyai unsur seperti politik agama dan ekonomi. Tidak ketinggalan ialah unsur sosial dan budaya diutarakan dalam setiap bahan berita.

2.3 – Kaedah Kajian Lapangan (Survey) dan Temubual

Kaedah kedua, kajian lapangan (*survey*) memperkuuhkan penemuan kajian analisis kandungan perbandingan pilihan raya 1995 dan 1999. Tujuan untuk mendapatkan data daripada responden dan ia dianggap satu usaha menyampaikan rangsangan bagi mendapatkan jawapan daripada responden. Roger D. Wimmer dan Joseph R. Dominick menjelaskan dua kaedah iaitu analisis survey (*analytical survey*) dan gambaran (*descriptive survey*). Analisis survey menggambarkan dan menerangkan kemunculan sesuatu situasi.⁵ Manakala, "*descriptive survey*" adalah untuk menggambarkan situasi serta sikap tertentu. Kaedah ini membolehkan pengkaji menjalankan kajian bidang, demografik, corak kehidupan, sikap dan tujuan serta sesuai kerana ia tidak mengira kawasan sempadan kajian.⁶

Kesesuaian di atas, pengkaji menyediakan persampelan dan memungut data bagi menghuraikan persoalan kajian menggunakan kaedah kuantitatif. Data kuantitatif dianalisis menggunakan *SPSS versi 7.5*. Pembentangan laporan data adalah gabungan kuantitatif dan kualitatif berdasarkan persoalan kajian. Bagaimanapun bagi memperolehi maklumat ini, beberapa pendekatan telah digunakan

⁵ Roger D. Wimmer, Joseph R. Dominick, *Mass Media Research An Introduction*, Fouth Edition, Wadsworth Publishing Company, Belmont, California, 1994, hlm 108.

⁶ Young Pauline, *Scientific Social Survey and Research Hall*, hlm 109.

seperti soal selidik untuk mendapatkan maklumat demografi, media dan politik responden.

Kajian survey ini dijalankan dalam dua tahap, pada 1995 dan 1999. Pengkaji mengambil masa lama untuk menunggu untuk kajian pada 1999 selepas selesai pilihan raya umum 1995. Sebanyak 600 responden yang dipilih secara rawak dari kawasan Parlimen Pengkalan Chepa membabitkan Dewan Undangan Negeri (DUN) Panchor, Kijang dan Chempaka. Kawasan Parlimen Peringat membabitkan kawasan DUN, Ketereh, Melor dan Kadok. Secara terperincinya setiap DUN, 50 responden dipilih secara rawak bagi mewakili pengundi di DUN masing-masing dalam pilihan raya umum 1995 dan 1999. Lihat Jadual 2.1 di bawah ini.

Jadual 2.1 – Pecahan Responden Mengikut DUN

Dewan Undangan Negeri (DUN) Parlimen Pengkalan Chepa	1995	1999
Panchor	50	50
Kijang	50	50
Chempaka	50	50
JUMLAH	150	150
Dewan Undangan Negeri (DUN) Kawasan Parlimen Peringat	1995	1999
Kadok	50	50
Ketereh	50	50
Melor	50	50
JUMLAH	150	150
JUMLAH KESELURUHAN RESPONDEN KAJIAN 1995 DAN 1999	600	600

Data pilihan raya 1995 diperolehi melalui soal selidik yang dijalankan oleh pengkaji sendiri pada awal bulan Ogos hingga September 1995. Data itu kemudian dikumpulkan untuk dijalankan kajian secara bersama dengan data 1999 yang dipungut pada akhir bulan Disember 1999 hingga awal Januari 2000. Pengkaji telah berjumpa dengan 600 responden untuk mendapatkan bantuan dan kerjasama mereka. Penghargaan dan terima kasih kepada responden disampaikan secara lisan kepada responden oleh pengkaji.

Instrumen kajian ini, soal selidik dibahagikan kepada empat bahagian utama. Bahagian A - Lapan soalan berlandaskan latar belakang, sebagai contoh umur, jantina dan bangsa. Bahagian B - 16 soalan membabitkan media, sebagai contoh, jenis akhbar yang dibaca, kekerapan membaca akhbar dan adakah responden percaya kepada akhbar. Selain itu, Bahagian C - 10 soalan berkait rapat dengan unsur politik seperti kefahaman mengenai istilah politik dan tahap penyertaan responden dalam politik. Bahagian D - 14 soalan disediakan pada 1995 dan 15 soalan pada 1999 membabitkan persoalan pilihan raya itu sendiri. Pertambahan satu soalan dalam Bahagian D pada 1999 kerana pengkaji ingin melihat kesan pengaruh kes pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam kajian ini.

Selaras dengan tujuan dan objektif kajian, tumpuan analisis data kepada peranan media massa dan pengaruhnya terhadap pengundi di Kelantan. Data di bahagian ini juga dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan kekerapan dan peratus.

Kaedah ketiga membabitkan temubual dilakukan terhadap pemimpin politik, pengarang dan pengurus akhbar dan orang perseorangan bagi membantu mengukuhkan data analisis kandungan dan kajian lapangan (survey).

Oleh itu, gabungan tiga teknik penyelidikan itu, pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif dengan teknik pengolahan data yang bertujuan membuat keputusan yang lebih baik. Teknik ini dikategorikan kepada tiga, teknik statistik, penyelidikan, temubual dan pemerhatian. Kaedah statistik bertujuan untuk mengolah data mentah kepada maklumat penting yang boleh dijadikan asas untuk membuat keputusan seperti jadual, carta pai dan histogram. Ia juga bertujuan untuk mempamerkan pola-pola penting dalam data.

Bagaimanapun, teknik penyelidikan akan menyediakan model komunikasi yang berguna dalam analisis dan penyelesaian masalah dalam persoalan kajian di samping penggunaan kaedah temubual.